

Kicau V E T E R I N A R

BULETIN

**LAMAN TERNAKAN DVS
@ HPPNK 2023 MERIAH**

SAMBUTAN HARI VETERINAR & HARI KEBAJIKAN HAIWAN 2023

WAK BARNIN
**SAHUT CABARAN,
UBAH PERSEPSI**

SAVILLE WONDERLAND
BIDANG PENTERNAKAN ADALAH BIDANG YANG
SANGAT MENGUNTUNGAN

DVS LAKSANA PELBAGAI TINDAKAN CEGAH, **MBJ KE ITU MELAKA**
KAWAL RABIES



“

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah saya ucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin Kicau Veterinar. Bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar, saya amat menghargai dan berterima kasih kepada semua yang menjadi nadi penggerak dalam penerbitan buletin ini.

Bagi edisi kali ini, perkongsian maklumat merangkumi pelbagai aspek disampaikan menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami.

Sekali lagi, setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin Kicau Veterinar dan semoga usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

DR. AKMA BINTI NGAH HAMID
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

Diterbitkan oleh:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

”



KANDUNGAN **BULETIN KICAU**

Bil Tajuk

Muka surat



1	KPPV MENYANTUNI KAKITANGAN PTH AYER HITAM	4
2	LAWATAN KPPV KE LADANG KAMBING DAN BEBIRI MILIK AJOI	4
3	MAJLIS APRESIASI DAN PRA-GRADUASI IVM 2023	4
4	AFTER ACTION REVIEW (AAR) WORKSHOP FOCUSING ON ASF RESPONSE IN MALAYSIA	5
5	MINISTRIAL FORUM: KETERJAMINAN MAKANAN MENUJU MALAYSIA MADANI	5
6	LATIHAN PENGAMBILAN SAMPEL DAN PENGUJIAN PADA TERNAKAN RUMINAN ZON TIMUR	6
7	WORKSHOP ON IMPLEMENTING TRACEVILITY IN EGG AND DAIRY	6
8	BENGGEL HALATUJU DAN PELAN TINDAKAN PENYELIDIKAN VETERINAR 2023-2030	6
9	KPPV DI SELAMAT PAGI MALAYSIA	7
10	MBJ KE ITU MELAKA	
11	DKSU KPKM BERKONGSI PENGALAMAN SEPANJANG BERGELAR PENJAWAT AWAM	8
12	SAMBUTAN HARI VETERINAR DAN HARI KEBAJIKAN HAIWAN TAHUN 2023 SAMBUTAN HARI RABIES SEDUNIA 2023:	9
13	MENINGKATKAN KESEDARAN TENTANG PENCEGAHAN PENYAKIT RABIES KEPADA SEMUA	10



14	SAMBUTAN HARI RABIES SEDUNIA 2023	10
15	AMAF 2023	10
16	PROGRAM DERMA DARAH: 1 BEG MAMPU SELAMATKAN 3 NYAWA!	11
17	LAWATAN MENTERI KPKM KE PUSAT PEMULIHARAAN FLORA FAUNA MALAYSIA	11
18	LAWATAN KPPV KE BOOTH VRI	11
19	LAWATAN KERJA DKSU KE LADANG AYAM MILIK KPAM	12
20	LIBAT URUS MENANGANI ISU HAIWAN TERBIAR DI PULAU PINANG	12
21	BENGGEL PERMURNIAAN DERAJ RANG UNDANG-UNDANG PENGAMALAN VETERINAR 202X BENGGEL PEMURNIAN DERAJ UNDANG-UNDANG PENGAMALAN VETERINAR 20XX	12
22	MAJLIS PELANCARAN TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN	13
23	DVS TERIMA SIJIL PENGHARGAAN KHAS OPS SAR TURKIYE	13
24	LAWATAN KERJA KPPV KE PROJEK TENUSU SYARIKAT SCS DAIRY, POKOK SENA	13
25	SAMBUTAN HARI RABIES SEDUNIA DAN HARI KEBAJIKAN HAIWAN 2023 PERINGKAT NEGERI KEDAH	14
26	BENGGEL PENULISAN SAINTIFIK	14
27	<i>POULTRY ASIA 2023</i> : PLATFORM PENTING INDUSTRI PENTERNAKAN AYAM	14
28	KURSUS PENDAFTAR KAD PENGENALAN HAIWAN (<i>ANIMAL PASSPORT</i>)	15
29	WAWANCARA KENALI HVKL DAN HAIWAN PELIHARAAN	15
30	JOM KENALI IAS : "LINDUNGI BIODIVERSITI KITA"	15
31	PERBINCANGAN PENYERTAAN MALAYSIA DI DALAM " <i>REGIONAL TRIPARTITE AMR PROJECT</i> "	16
32	KURSUS TEKNOLOGI PEMBIAKBAKAAN RUMINAN	16
33	FORUM INTEGRITI DVS 2023	17
34	LAWATAN DKSU KE PROJEK PEMBANGUNAN NAIKTARAF PPIT KLUANG	17
35	PEMANTAUAN PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PENGAMBILAN SAMPEL DARAH BAGI KEMASUKAN LEMBU DAN KERBAU IMPORT DARI NEGARA AUSTRALIA	18
36	RAKAMAN INFLUENCER@JAPEN WPKL BERKAITAN PENYAKIT RABIES	18
37	DVS LAKSANA PELBAGAI TINDAKAN CEGAH, KAWAL RABIES	19
38	SESI LIBAT URUS DVS BERSAMA PBT TERENGGANU BERKAITAN PENGURUSAN HAIWAN TERBIAR	19
39	WAK BARNIN SAHUT CABARAN, UBAH PERSEPSI	20
40	SAVILLE WONDERLAND BIDANG PENTERNAKAN ADALAH BIDANG YANG SANGAT MENGUNTUNGGAN	21
41	LAMAN TERNAKAN DVS @ HPPNK 2023 MERIAH	23
42	LEMBU RM20 JUTA	26



5 JULAI 2023

KPPV MENYANTUNI KAKITANGAN PTH AYER HITAM



Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar meluangkan masa menyantuni kakitangan Pusat Ternakan Haiwan (PTH) Ayer Hitam yang terletak di Kluang, Johor pada 5 Julai 2023. Turut hadir ialah Dr. Saifullizam bin Abdul Kadir, Pengarah BPGTP.

PTH Ayer Hitam merupakan salah sebuah ladang ternakan di bawah Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Ternakan (BPGTP). Dalam lawatan beliau kali ini, KPPV sempat melihat aktiviti pemerahan susu lembu.

Terima kasih kepada team PTH Ayer Hitam dan Semoga terus maju jaya!



LAWATAN KPPV KE LADANG KAMBING DAN BEBIRI MILIK AJOI



Lawatan kerja Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke Ladang Ajoji Thiru Farm yang dimiliki oleh Encik Thirumanickavasaga Thevar a/ Subramaniam pada 5 Julai 2023.

Penternak muda yang lebih dikenali sebagai Ajoji ini menjalankan penternakan kambing dan bebiri di ladang beliau di Kampung Senggang, Pasir Panjang, Linggi, Negeri Sembilan. Beliau juga turut memelihara lembu secara integrasi.

Hadir sama ialah Dr. Kamarulrizal bin Mat Isa, Pengarah DVS Negeri Sembilan, Dr. Siti Zubaidah Zanal Abidin serta wakil Pejabat Veterinar Daerah Port Dickson.

MAJLIS APRESIASI DAN PRA-GRADUASI IVM 2023



Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr. Akma binti Ngah Hamid merasmikan Majlis Apresiasi dan Pra Graduasi bagi 65 calon graduan Sijil Veterinar Malaysia (SVM 2021-2023) dan pelajar Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (Ambilan ke 3) yang akan menamatkan pengajian di Institut Veterinar Malaysia, Kluang pada 5 Julai 2023.

Tahniah dan selamat maju jaya kepada semua bakal graduan!

17 - 18 JULAI 2023

AFTER ACTION REVIEW (AAR) WORKSHOP FOCUSING ON ASF RESPONSE IN MALAYSIA



Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar dengan kerjasama WOAHA telah mengadakan After Action Review (AAR) Workshop Focusing On ASF Response in Malaysia bertempat di Kuala Lumpur.

25 JULAI 2023



MINISTERIAL FORUM: KETERJAMINAN MAKANAN MENUJU MALAYSIA MADANI

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu hadir menyampaikan ucap tama pada *Ministerial Forum* Mengenai Keterjaminan Makanan Negara 2023 di Auditorium INTAN, Bukit Kiara pada 27 Julai 2023.

Ministerial Forum ini dianjurkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi membincangkan isu, cabaran dan hala tuju dasar serta strategi pelaksanaan program keterjaminan makanan negara secara berkesan, terarah dan mampan berlandaskan aspirasi Malaysia MADANI.

Seramai empat orang ahli panel telah mengambil bahagian dalam forum tersebut iaitu Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Profesor Datin Paduka Fatimah binti Mohamed Arshad, Felo Penyelidik, Universiti Putra Malaysia, Tan Sri Dr Ismail bin Hj Bakar, Pengerusi Kulim (Malaysia) Berhad dan Prof Adjung Datuk Yap Yun Fook, Pemilik Evergreen Livestock Sdn Bhd. Peserta forum terdiri daripada Ahli Akademik, Badan Berkanun, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan pemain industri agromakanan dan pertanian serta pegawai kerajaan.

Antara perkara yang dibincangkan para panel menerusi forum ini ialah peranan kerajaan dalam meningkatkan keterjaminan makanan, peranan institusi akademik dalam mempromosikan

keterjaminan makanan, bagaimana badan berkaitan kerajaan dan sektor swasta berhadapan dengan isu keterjaminan makanan dan faktor kejayaan serta cabaran yang dihadapi oleh pemain industri dalam rantai bekalan bagi membantu meningkatkan keterjaminan makanan.

Forum ini turut menjadi platform berkongsi informasi tentang dasar dan inisiatif yang sedang dilaksanakan Kerajaan ke arah meningkatkan keterjaminan makanan negara serta memupuk jalinan kerjasama dan rangkaian yang kukuh antara sektor kerajaan dan bukan kerajaan dalam menjamin kelestarian dan keterjaminan makanan negara.

Ministerial Forum Mengenai Keterjaminan Makanan Negara 2023 ini mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan seramai lebih 500 orang peserta daripada seluruh Malaysia.

Kementerian sentiasa mengalu-alukan kerjasama strategik dan kolaborasi dengan pelbagai pihak sama ada kerajaan mahupun swasta dalam menggembelng sumber dan kepakaran masing-masing untuk meningkatkan pengeluaran makanan tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada bekalan import selain menyokong agenda keterjaminan makanan negara.



25 - 27 JULAI 2023



LATIHAN PENGAMBILAN SAMPEL DAN PENGUJIAN PADA TERNAKAN RUMINAN ZON TIMUR

Latihan Pengambilan Sampel Dan Pengujian Pada Ternakan Ruminan Bagi Zon Timur telah diadakan pada 25 hingga 27 Julai 2023 bertempat di Akademi Akademi Binaan Malaysia Wilayah Timur dan Pusat Ternakan Haiwan Tersat, Kuala Berang, Terengganu.

Latihan anjuran Seksyen Epidemiologi dan Survelan, Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar ini bertujuan untuk memberi pendedahan secara teori dan praktikal kepada pegawai daerah dan negeri tentang penyakit ruminan, tatacara pengambilan sampel, pengujian lapangan dan penghantaran sampel yang betul ke makmal.

Latihan ini melibatkan semua pegawai teknikal kesihatan daerah dari Negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang.

7 - 11 OGOS 2023

WORKSHOP ON IMPLEMENTING TRACEABILITY IN EGG AND DAIRY



Workshop on Implementing Traceability in Egg and Dairy yang diadakan pada 7 hingga 11 Ogos 2023 di Hotel Mecure, Putrajaya.

9 - 10 OGOS 2023

BENGGEL HALATUJU DAN PELAN TINDAKAN PENYELIDIKAN VETERINAR 2023-2030

Bengkel Halatuju dan Pelan Tindakan Penyelidikan Veterinar 2023-2030 anjuran Bahagian Penyelidikan Veterinar sedang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bermula 9 hingga 10 Ogos 2023.

Fasilitator jemputan adalah Puan Izzatul Fardiah binti Othman dan Encik Muhammad Zhariff bin Noh dari Seksyen Penyelidikan, Bahagian Pemodenan Pertanian, KPKM, serta Dr. Rohana binti Abu Bakar dan Dr. Noor Aliza binti Rohani.

Bengkel ini bertujuan untuk memurnikan lagi deraf Halatuju Penyelidikan Veterinar lanjutan dari Siri 1 yang telah diadakan pada tahun 2022.



16 OGOS 2023



KPPV

DI SELAMAT PAGI MALAYSIA

Sesi wawancara Selamat Pagi Malaysia, TV1 bersama, Dr. Akma binti Ngah Hamid Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar pada 16 Ogos 2023 bagi menguar-uarkan kepada masyarakat tentang program “Hari Veterinar dan Hari Kebajikan Haiwan” di Laman Ternakan MAEPS, Serdang pada 24 – 27 Ogos 2023.

16 OGOS 2023

MBJ KE ITU MELAKA



Ahli MBJ Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengadakan lawatan ke Institut Teknologi Unggas (ITU) di Masjid Tanah, Melaka pada 17 Ogos 2023 yang lepas.

Para ahli yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan berpeluang melawat reban burung puyuh dan juga reban ayam penelur yang merupakan aktiviti utama di ITU selain ayam kampung dan ayam pedaging.

Institut Teknologi Unggas adalah Institut Latihan Awam di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang menjalankan kursus berkaitan pengembangan teknologi ternakan unggas.



Antara fungsi ITU adalah:

- Menyediakan infrastruktur dan kemudahan latihan teknologi dan penternakan unggas.
- Melaksanakan kursus teknologi penternakan unggas dan keusahawanan.
- Menyediakan sumber untuk keperluan latihan dan penyelidikan di bidang unggas.
- Menjadi pusat rujukan, perundingan dan lain-lain yang berkaitan teknologi penternakan unggas dan industri haiwan.
- Mengadakan jalinan kerjasama bagi tujuan pengumpulan dan penyebaran maklumat teknologi unggas.



21 OGOS 2023

DKSU KPKM BERKONGSI PENGALAMAN SEPANJANG BERGELAR PENJAWAT AWAM



Sesi *Townhall* bersama YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama Kumpulan Pengurusan dan Profesional (PnP) Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Dewan Serbaguna KPKM, Putrajaya pada 21 Oktober 2023.

Selain berkongsi pengalaman kerja, Datuk KSU turut berbesar hati meluangkan masa untuk menjawab soalan-soalan daripada hadirin yang terdiri dari pelbagai skim perkhidmatan. Terima kasih Datuk!

Tahukah Anda?

Daging yang paling banyak dimakan di dunia.

<p>2-Ayam </p>	<p>3-Lembu </p>
<p>1-Khinzir </p>	<p>4-Berbiri </p>
<p>8-Kerbau </p>	<p>5-Kambing </p>
<p>7-Itik </p>	<p>6-Ayam Belanda </p>

Sumber : United Nations Food and Agriculture

24 - 27 OGOS 2023

SAMBUTAN HARI VETERINAR DAN HARI KEBAJIKAN HAIWAN TAHUN 2023



Sambutan Hari Veterinar dan Hari Kebajikan Haiwan Tahun 2023 anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang diadakan di Laman Ternakan, MAEPS, Serdang bermula 24 hingga 27 Ogos 2023 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada 26 Ogos 2023.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang sambutan ini antaranya pameran lembu sado, pameran dan jualan pelbagai jenis baka kambing, pertunjukan anjing pengesan K-9 Jabatan Bomba, Meow Fiesta (Pertandingan Kucing Cantik), jualan produk berasaskan ternakan, Klinik Veterinar dan banyak lagi.

Bersesuaian dengan tema sambutan Hari Veterinar pada tahun ini iaitu "*Promoting Diversity, Equity, and Inclusiveness in the Veterinary Profession*" yang menumpukan kepada pengiktirafan usaha dan sumbangan para Veterinawan ke arah meningkatkan kesejahteraan profesion veterinar melalui kepelbagaian aktiviti bidang veterinar yang semakin mencabar selain mengawal penyakit zoonotik dan rentas sempadan meliputi keselamatan haiwan.

Manakala Sambutan Hari Kebajikan Haiwan yang dirasmikan Dr. Akma Ngah Hamid, Ketua Pengarah DVS pada 27 Ogos 2023 pula diadakan bagi tujuan memberi kesedaran awam kepada masyarakat di Malaysia berhubung tanggungjawab, ihsan, kasih sayang dan keprihatinan kepada haiwan.

Dalam majlis tersebut, KPPV menyampaikan sijil penghargaan kepada DVS Negeri, penyumbang bantuan makanan haiwan pasca banjir dan rakan strategik yang aktif dalam menjalankan kempen, promosi dan penyelamatan haiwan.

Turut berlangsung adalah penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi pertandingan poster, pertandingan mewarna, pertandingan melukis *doodles*, pertandingan bergambar bersama haiwan kesayangan dan pertandingan video tiktok. Turut diadakan penyampaian hadiah dan sijil penghargaan kepada para penyumbang yang membantu menjayakan sambutan Hari Kebajikan 2023.

Turut hadir Dr. Mohammad Razli Abdul Razak, Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar, Pengarah-Pengarah Bahagian/ Negeri DVS, para anggota Lembaga Kebajikan Haiwan, Ketua-Ketua Jabatan/ Agensi, pegawai-pegawai kanan, rakan-rakan strategik dan para NGO.

Sebagai makluman, bermula Januari 2021, saluran aduan berhubung kebajikan dan penganiayaan terhadap haiwan telah dibuka kepada orang awam melalui sistem MyAnimalWelfare. Sehingga awal Ogos 2023, sebanyak 4471 aduan telah diterima dan 87.7% aduan telah diselesaikan.



1 OKTOBER 2023

SAMBUTAN HARI RABIES SEDUNIA 2023:**MENINGKATKAN KESEDARAN TENTANG PENCEGAHAN PENYAKIT RABIES KEPADA SEMUA**

Sambutan Hari Rabies Sedunia 2023 telah diadakan pada 1 Oktober 2023 bertempat di Hospital Veterinar WPKL, Cheras.

Sambutan yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ini menampilkan pelbagai aktiviti yang menarik kepada orang awam khususnya bagi mendedahkan kepada mereka akan bahaya penyakit ini kepada haiwan peliharaan dan juga manusia.

Turut hadir, Pengarah Kanan Bahagian Kesihatan Awam Veterinar DVS, Dr. Rohaya Mohd Ali dan Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan Malaysia Dr. Anita Suleiman.


Bertemakan 'Semua Untuk Satu, Satu Kesihatan Untuk Semua', sambutan pada kali ini menekankan usahasama semua pihak termasuk pihak kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat dalam membanteras wabak Rabies menjelang 2030.

Pada tahun ini, DVS telah memvaksin sebanyak 7,430 ekor anjing bertuan setakat bulan Ogos lalu dalam usaha meningkatkan liputan imuniti anjing terhadap penyakit Rabies.

Orang ramai diseru memvaksin haiwan kesayangan demi melindungi bukan sahaja haiwan-haiwan tersebut malah juga melindungi manusia daripada ancaman wabak membawa maut itu.

Hari Rabies ini disambut pada 28 September setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran tentang pencegahan penyakit rabies kepada semua

2 - 6 OKTOBER 2023

AMAF 2023:**PLATFORM NEGARA ASEAN MENGETENGAHKAN ISU PERTANIAN DAN PERHUTANAN**

Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF 2023) ke-45 secara rasminya telah berlangsung pada 2 hingga 6 Oktober 2023 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Mesyuarat "PREPSOM-45 AMAF Meeting" yang merupakan salah satu agenda pertama dalam mesyuarat AMAF dan ini merupakan kali ketiga Malaysia menjadi tuan rumah selepas AMAF ke-25 dan AMAF ke-35 diadakan masing-masing pada tahun 2003 dan 2013.

Bertemakan "*Growing Together: Advancing Asean Agriculture And Forestry For Sustainable Development*", AMAF merupakan platform bagi negara anggota ASEAN membincang serta mengetengahkan isu-isu berkaitan pertanian dan perhutanan di rantau ini.

AMAF 2023 akan memberikan fokus kepada terhadap keselamatan sektor pertanian dan perhutanan yang mana kedua-dua sektor itu penting bagi negara-negara anggota mencapai matlamat ASEAN sebagai pusat pasaran serta pengeluar tunggal produk makanan, pertanian dan perhutanan yang berdaya saing serta mampan.

Pada masa sama, tumpuan turut diberikan terhadap peranan serta kedudukan ASEAN sebagai 'bakul makanan dunia' di samping memelihara keterjaminan makanan di rantau ini selaras pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN pada tahun 2015.

Selain Malaysia, AMAF 2023 turut disertai negara anggota ASEAN iaitu Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

3 OKTOBER 2023



PROGRAM DERMA DARAH: 1 BEG MAMPU SELAMATKAN 3 NYAWA !

Jabatan Perkhidmatan Veterinar dengan kerjasama Pusat Darah Negara Kuala Lumpur telah menganjurkan Program Derma Darah pada 3 Oktober 2023 yang melibatkan sebanyak 92 penyertaan yang melibatkan warga Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan.

Terima kasih diucapkan kepada barisan petugas Pusat Darah Negara Pusat Darah Negara Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga kepada semua warga kementerian dan jabatan yang menderma.

Pendermaan darah dapat menyelamatkan sekurang-kurangnya tiga nyawa. Hal ini dikatakan demikian kerana darah yang didermakan boleh diproses dan diasingkan kepada sel darah merah, platelet dan plasma yang boleh digunakan untuk membantu pelbagai masalah kekurangan darah yang berbeza yang dihadapi oleh pesakit.

Anda layak menderma darah sekiranya :

1. Sihat tubuh badan.
2. Berumur:
 - Di antara 18-65 tahun untuk yang pernah menderma.
 - di antara 18-60 tahun untuk pertama kali menderma.
 - 17 tahun (perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibubapa/penjaga).
3. Berat badan 45kg ke atas.
4. Tidur minimum 5 jam.
5. Tiada masalah kesihatan.
6. Telah mengambil makanan sebelum menderma darah.
8. Pendermaan terakhir 3 bulan lepas
9. Bagi penderma wanita; tidak mengandung, tidak datang haid, tidak menyusukan anak.

LAWATAN MENTERI KPKM KE PUSAT PEMULIHARAAN FLORA FAUNA MALAYSIA

5 OKTOBER 2023



YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama delegasi negara ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) ke-45 menjayakan aktiviti yang diadakan di Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) pada 5 Oktober 2023.

Turut hadir Dr. Rohaya binti Mohd Ali, Pengarah Kanan Bahagian Kesihatan Awam Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

TBNSA merupakan sebuah pusat pemuliharaan flora dan fauna di Malaysia yang menempatkan 422 spesies flora di mana 31 spesies daripadanya adalah endemik di Semenanjung Malaysia manakala 20 spesies lagi tersenarai sebagai spesies terancam.

5 OKTOBER 2023 | Kuala Lumpur

LAWATAN KPPV KE BOOTH VRI



Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, ketika menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian Dan Perhutanan (AMAF) ke-45 turut sempat melawat booth Institut Penyelidikan Veterinar (VRI) yang mempamerkan vaksin-vaksin yang dihasilkan melalui penyelidikan di institut itu.

VRI merupakan institut di bawah Bahagian Penyelidikan Veterinar, DVS Putrajaya yang berperanan menyokong pertumbuhan industri haiwan dengan menyediakan perkhidmatan cemerlang dalam penyelidikan, diagnosis, pemantauan dan pencegahan penyakit haiwan melalui pengesanan penyakit, khidmat nasihat dan pemantauan berkualiti yang dilakukan oleh pakar-pakar menggunakan teknik terkini.



14 OKTOBER 2023



LAWATAN KERJA DKSU KE LADANG AYAM MILIK KPAM

Lawatan kerja YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ke Ladang Ayam milik Konsortium Penternak Ayam Muslim Bhd (KPAM) yang terletak di Kampung Melayu Seelong, Kulai, Johor pada 14 Oktober 2023.

Turut mengiringi lawatan pada hari ini ialah Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Encik Norazli bin Indzam, Setiausaha Bahagian Pembangunan, Puan Misjijah Binti Marul, Setiausaha Bahagian Kewangan dan Dr. Maria binti Jamli, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor.



LIBAT URUS MENANGANI ISU HAIWAN TERBIAR DI PULAU PINANG

20 OKTOBER 2023

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengadakan Sesi Libat Urus Bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pulau Pinang berkaitan pengurusan haiwan terbiar hari ini bertempat di Flamingo Hotel By The Beach, Pulau Pinang pada 20 Oktober 2023.

Sesi libat urus ini diadakan bagi mencari jalan penyelesaian dan menangani isu-isu berkaitan pengurusan dan pengendalian haiwan terbiar terutamanya melibatkan anjing.

Sesi libat urus ini dihadiri Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Dr. Akma binti Ngah Hamid, Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak (Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar), Tuan Haji Zaharinan bin Abdul Aziz (Pengarah Bahagian Penguatkuasa Veterinar), Dr. Marzuna binti Md Yunus (Ketua Seksyen Kebajikan Haiwan, Bahagian Regulatori Veterinar) dan Dr. Saira Banu binti Rejab Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang. Turut hadir Encik Ooi Poh Keong Pengarah Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kerajaan Tempatan.

24 OKTOBER 2023 | Agrifood Business Development Centre (Agri-BDC) Wisma Tani Putrajaya

BENKEL PERMURNIAAN DERAH RANG UNDANG-UNDANG PENGAMALAN VETERINAR 202X BENKEL PEMURNIAAN DERAH RANG UNDANG-UNDANG PENGAMALAN VETERINAR 20XX



Akta Doktor Veterinar (Akta 147) diluluskan dan digazetkan di Parlimen pada 1 Jun 1975 yang mana terpakai ke seluruh Malaysia. Akta ini bertujuan menyediakan peruntukan perundangan mengenai pendaftaran dan amalan doktor veterinar dan bagi maksud Negara untuk membuat peruntukan-peruntukan tertentu mengenai suatu tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam selepas pendaftaran, serta apa-apa maksud yang berkaitan dengan perkara tersebut di atas.

Sehingga kini tiada sebarang semakan atau pindaan dibuat ke atas akta ini. Oleh kerana itu terdapat beberapa bahagian yang sudah tidak menepati keadaan semasa juga tidak dapat memenuhi standard antarabangsa.

Di dalam mesyuarat MVC Board ke-46 pada 5 Nov 2015, telah bersetuju untuk menerima dan mengkaji segala kekurangan serta kelemahan di dalam Akta 147. Ini bagi mengemaskini Akta ini seiring situasi semasa serta cabaran masa hadapan.

Selain itu ia juga bertujuan memenuhi tanggungjawab serta keperluan standard antarabangsa. Sehubungan itu Akta Pengamalan Veterinar 20XX telah dipersetujui untuk dibangunkan.

Setelah beberapa siri bengkel, mesyuarat serta konsultasi awam maka Akta Pengamalan Veterinar 20XX kini telah menerima semakan daripada kumpulan pakar VLSP (*Veterinary Legislation Support Programme*), WOAHA. Sehubungan itu, bengkel pemurnian deraf undang-undang Pengamalan Veterinar 20XX dilakukan bagi mendapatkan padangan serta cadangan wakil-wakil pemegang taruh yang terlibat di dalam Deraf Undang-Undang ini. Objektif bengkel ini adalah untuk menyediakan maklumbalas kepada pihak WOAHA di atas komen-komen yang telah diberikan.



MAJLIS PELANCARAN TABUNG KEMANUSIAAN

PALESTIN

BAGI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

25 OKTOBER 2023

KPKM bersama-sama seluruh rakyat Malaysia sentiasa menyokong perjuangan Palestin dan mendesak agar kekejaman serta penindasan yang berlaku terhadap rakyat Palestin dihentikan segera.

26 OKTOBER 2023



DVS TERIMA SIJIL PENGHARGAAN KHAS OPS SAR TURKIYE

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menerima Sijil Penghargaan Khas oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sebagai tanda penghargaan atas jasa dan sumbangan ketika operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) Turkiye.

Dr. Norsuhanna binti Mohd Mokhtar yang mewakili Jabatan telah menerima sijil berkenaan daripada YAS Dato' Sri Abdul Wahab bin Haji Mat Yasin, Ketua Pengarah JBPM ketika Majlis Pelancaran Bulan Kesiapsiagaan Bencana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Tahun 2023 pada 26 Oktober 2023 bertempat di Dewan Metropolitan Kwarters Bomba Cheras, Kuala Lumpur.

Program ini bertindak sebagai salah satu persediaan menyeluruh dalam menghadapi segala bentuk bencana terutama sepanjang fasa Monsun Timur Laut (MTL).

2 SEPTEMBER 2023 | Kuala Lumpur

LAWATAN KERJA KPPV KE PROJEK TENUSU SYARIKAT SCS DAIRY, POKOK SENA



Lawatan kerja Dr. Akma binti Ngah Hamid ke Projek Tenusu Syarikat SCS Dairy, Pokok Sena, Kedah pada 2 September 2023.

SCS Dairy dimiliki oleh YBhg. Dato' Low Cheng Leong, kini mempunyai 241 ekor ternakan lembu tenusu. Projek bermula pada tahun 2014, mendapat bimbingan dari Pusat Operasi Jitra bermula tahun 2019.

Syarikat ini telah menyertai program pembangunan industri tenusu negara bagi skop transformasi usahawan berskala besar pada tahun 2021 dengan perolehan 100 ekor induk tenusu bunting baka kacukan Friesian dari Australia, sebuah tangki penyejuk susu berkapasiti 3000 liter dan sebuah lori tangki dengan kapasiti 3000 liter.

Jumlah induk perah pada masa kini adalah sebanyak 83 ekor dengan purata pengeluaran susu sebanyak 1100 liter/hari. Hasil susu dihantar ke Dutch Lady setiap bulan sebanyak ~27 000 liter.

DVS menjalankan program kesihatan seperti vaksinasi FMD mengikut jadual, surveilan bagi saringan penyakit *Brucellosis*, *Tuberculosis* dan AMR turut dijalankan di ladang ternakan untuk memastikan ternakan sihat dan ditahap baik. Perkhidmatan palpasi rektal bagi pemeriksaan kebuntingan di bawah skop program pembiakan, konsultasi pemakanan serta khidmat nasihat turut diberikan.



2 SEPTEMBER 2023



SAMBUTAN HARI RABIES SEDUNIA DAN HARI KEBAJIKAN HAIWAN 2023 PERINGKAT NEGERI KEDAH

Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar merasmikan Sambutan Hari Rabies Sedunia dan Hari Kebajikan Haiwan 2023 Peringkat Negeri Kedah yang diadakan di Amanjaya Mall, Sungai Petani Kedah pada 2 September 2023.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi memberi kesedaran kepada orang awam berkaitan penyakit Rabies dan Kebajikan Haiwan.

5 SEPTEMBER 2023

BENKEL PENULISAN SAINTIFIK: MEMPELAJARI PRINSIP ASAS DAN TEKNIK PENULISAN ARTIKEL SAINTIFIK



Bengkel Penulisan Saintifik anjuran bersama Bahagian Penyelidikan Veterinar dan Editorial Committee Malaysian Journal of Veterinary Research (MJVR) sedang berlangsung dari 5 hingga 6 September 2023 di Bilik Jamuan Aras 7, KPKM dan dihadiri oleh 30 orang pegawai Jabatan.

Objektif utama bengkel ini ialah mempelajari prinsip asas dan teknik penulisan artikel saintifik berbentuk *systematic literature review*, *scoping review* dan *narrative review*; serta teknik pencarian data menggunakan pangkalan data atas talian.

Penceramah jemputan Bengkel ini ialah Dr. Hayrol Azril bin Mohd Shaffril, Pegawai Penyelidik Sosial di UPM dan juga Professor Ajung di Universitas Malang, Indonesia, serta merupakan konsultan *systematic literature review* untuk agensi antarabangsa (WorldFish).

Beliau turut berpengalaman menghasilkan 134 artikel berindeks Scopus dan 51 artikel berindeks Web of Science, dengan jumlah citation artikel 1420 (Google Scholar), 1263 (Scopus) dan 521 (WoS).

Bengkel ini turut dibantu oleh fasilitator jemputan iaitu Dr. Mohd Fauzi bin Fadzil yang turut berpengalaman dalam bidang review artikel dan merupakan Exco Majlis Belia Malaysia/ Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan.

5 SEPTEMBER 2023 |

Institut Pengurusan Veterinar, Cheras



Peperiksaan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) Jawatan Penolong Pegawai Penguatkuasa KP29 Dan Pegawai Penguatkuasa KP41.

6 SEPTEMBER 2023



POULTRY ASIA 2023: PLATFORM PENTING INDUSTRI PENTERNAKAN AYAM

Majlis Perasmian *Poultry Asia 2023* oleh YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 6 September 2023, bertempat di Setia City Convention Centre.

Ekspo *Poultry Asia 2023* merupakan platform penting bagi industri penternakan ayam, dengan peluang unik untuk menerokai inovasi, teknologi, dan trend terkini yang membentuk sektor ini. Dari mesin canggih hingga teknologi pembiakan, dan pemprosesan bahan mentah, ekspo ini akan menampilkan penyelesaian terkini yang meningkatkan kecekapan, kelestarian, dan keuntungan dalam pengeluaran industri ayam.

Ekspo ini juga mempamerkan pelbagai syarikat ternama dalam industri penternakan ayam, pakar industri, dan pihak berkepentingan untuk pameran luar biasa rantai pengeluaran ayam.

7 SEPTEMBER 2023



KURSUS PENDAFTAR KAD PENGENALAN HAIWAN (ANIMAL PASSPORT)

Kursus Pendaftaran Kad Pengenalan Haiwan (*Animal Passport*) telah berlangsung bertempat di Fakulti Perubatan Veterinar, UPM Serdang pada 7 September 2023.

10 SEPTEMBER 2023



WAWANCARA KENALI HVKL DAN HAIWAN PELIHARAAN

Wawancara di Program Selamat Pagi Malaysia (SPM) telah berlangsung pada 10 September 2023 di Angkasapuri, Kuala Lumpur bersama Dr. Muhammad Syazwan bin Muhammad Sabri (Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kuala Lumpur) dan Dr. Nur Izzati binti Aman (Pegawai Veterinar) yang mengupas topik "KENALI HVKL DAN HAIWAN PELIHARAAN".

Turut menarik perhatian adalah penampilan khas 3 haiwan peliharaan iaitu Songkok (kucing), Bobby (arnab) dan Brownie (guinea pig).

9 SEPTEMBER 2023



JOM KENALI IAS: "LINDUNGI BIODIVERSITI KITA"

JOM KENALI IAS (Spesies Asing Invasif) telah diadakan pada 9 September 2023 bertempat di Taman Botani Negara, Shah Alam, Selangor.

Program ini yang bertemakan "Lindungi Biodiversiti Kita" bertujuan untuk mendedahkan dan meningkatkan kesedaran orang awam terhadap IAS yang memberi ancaman kepada negara.

Pelbagai aktiviti menarik yang diadakan antaranya pertandingan mewarna, kuiz interaktif, permainan dam ular gergasi, tayangan video, pameran oleh kementerian/ jabatan/ agensi, *fish scooping*, *wheel of fortune* dan cabutan bertuah.



HOTLINE BILIK GERAKAN AFRICAN SWINE FEVER (ASF)



BILIK GERAKAN	010 535 6671
PPVD Seremban	06 762 3624
PPVD Rembau	06 685 1288
PPVD Jempol	06 458 1764
PPVD Tampin	06 441 1044
PPVD Jelebu	06 613 6260
PPVD Kuala Pilah	06 481 1029
PPVD Port Dickson	06 - 647 1362

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan
Lot 1504, Mukim Pantai, Batu 6 Jalan Jelebu,
71770, Seremban, Negeri Sembilan
No. Telefon: 06 762 8857 / 9157 / 9163





11 SEPTEMBER 2023

PERBINCANGAN PENYERTAAN MALAYSIA DI DALAM “REGIONAL TRIPARTITE AMR PROJECT”



Dr. Rohaya binti Mohd Ali, Pengarah Kanan Bahagian Kesihatan Awam Veterinar telah menghadiri *Regional Tripartite AMR Project Meeting: Working Together to Fight AMR in Asia and the Pacific 2022-2025* (WHO, FAO, WOA) telah berlangsung pada 11 September 2023 bertempat di *The Everly Hotel, Putrajaya*.

Mesyuarat ini dianjurkan Unit Kawalan Infeksi, Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan KKM selaku urusetia *National Antimicrobial Resistance Committee (NARC)* dengan kerjasama *World Health Organization (WHO) Country Office Malaysia*.

Ia diadakan sempena lawatan pihak *Regional Tripartite* yang terdiri daripada wakil *WHO Regional Office for the Western Pacific, Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO)* serta *World Organisation for Animal Health (WOAH)* dan telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan.

Mesyuarat ini membincangkan penyertaan Malaysia di dalam “*Regional Tripartite AMR Project*” yang menyokong aktiviti-aktiviti pelan tindakan AMR di negara ini serta minat Malaysia dalam menyertai aktiviti – aktiviti berkaitan AMR di peringkat serantau. Projek ini adalah berlandaskan pendekatan “*One Health*” di mana sektor kesihatan manusia, haiwan, pertanian dan alam sekitar perlu bertindak secara bersama dalam menangani ancaman AMR.

Turut diadakan sewaktu mesyuarat tersebut adalah Majlis Pra-Pelancaran *Malaysian Action Plan on Antimicrobial Resistance (MyAp-AMR) 2022-2026* yang telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Kesihatan serta Dr. Rohaya selaku wakil Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Pelan tindakan ini telah dibangunkan sebagai kesinambungan kepada pelan tindakan pertama yang merangkumi pelbagai aktiviti bagi menangani isu AMR secara menyeluruh di negara ini.

12 SEPTEMBER 2023

KURSUS TEKNOLOGI PEMBIAKBAKAAAN RUMINAN: PEMERIKSAAN KEBUNTINGAN PADA RUMINAN BESAR MELALUI KAEDAH PALPASI REKTAL DAN PROGRAM PEMILIHAN INDUK.



Seramai 34 orang kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menghadiri Kursus Teknologi Pembiakbakaan Ruminan: Pemeriksaan Kebuntingan Pada Ruminan Besar Melalui Kaedah Palpasi Rektal Dan Program Pemilihan Induk yang telah diadakan pada 12 hingga 13 September 2023 bertempat di Pusat Ternakan Haiwan Ulu Lepar, Pahang.

Kursus anjuran Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan (BPGTP) dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) ini bertujuan membantu mengembangkan lagi pengetahuan dan kemahiran pegawai teknikal jabatan dalam mengesan kebuntingan pada induk ternakan lembu melalui kaedah palpasi rektal yang berkesan dan betul.

Semoga kursus ini akan meningkatkan lagi kemahiran teknikal kakitangan dalam membuat pemilihan induk yang baik bagi membantu meningkatkan produktiviti dan prestasi ladang ternakan.

13 SEPTEMBER 2023



FORUM INTEGRITI DVS 2023 “MENGANGGU DIGANGGU DAN TERGANGGU”

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menganjurkan Forum Integriti 2023 bertajuk “Gangguan Seksual Di Tempat Kerja: Mengganggu Diganggu dan Terganggu” di Dewan Serbaguna KPKM pada 13 September 2023.

Forum ini telah dirasmikan oleh Dr. Suratun bin Kamarudin , Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan).

Forum ini diadakan bersempena dengan pelaksanaan Garis Panduan Anti Gangguan Seksual DVS yang telah berkuatkuasa.

DVS komited dalam melaksanakan Garis Panduan ini dan supaya semua warga Jabatan memainkan peranan dalam memastikan suasana kerja yang selamat, sejahtera, kondusif dan bebas dari segala bentuk gangguan seksual.

Panel forum terdiri dari dua orang ahli panel iaitu Dr. Azura binti Hamdan, Timbalan Pengarah Bahagian Psikologi Jabatan Perkhidmatan Awam dan ACP Siti Kamsiah binti Hassan, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Gangguan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman. Forum ini telah dikendalikan oleh Puan Rubihazatul Huda binti Ibrahim, Ketua Unit Integriti DVS.

Para panel telah berkongsi dan mengupas pelbagai aspek gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja, peraturan di bawah perkhidmatan awam dan juga undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia. Turut ditekankan ialah peranan yang perlu dimainkan oleh semua penjawat awam sekiranya berlaku gangguan tersebut.

Forum ini telah disertai oleh pegawai dan kakitangan DVS seramai 230 orang. Turut hadir bersama ialah warga Kementerian dan Jabatan lain di bawah KPKM.

16 SEPTEMBER 2023



LAWATAN DKSU KE PROJEK PEMBANGUNAN NAIKTARAF PPIT KLUANG

Lawatan Pemantauan Projek Pembangunan Naiktaraf PPIT Kluang, Johor oleh YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diiringi Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar pada 16 September 2023.

sudut informasi



NEGARA PENGIMPORT UTAMA PRODUK WALET (EDIBLE-BIRDNEST) MALAYSIA

-  **China**
-  **Hong Kong**
-  **Macau**
-  **Singapore**
-  **Vietnam**
-  **Cambodia**

Nilai eksport
EBN Malaysia
ke luar negara **> RM10 Juta**

Pertambahan Syarikat Pengeksport dari tahun 2019
(33 Syarikat RC) ke tahun 2021 (41 Syarikat, 38RC & 3RUC)





16 SEPTEMBER 2023

PEMANTAUAN PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PENGAMBILAN SAMPEL DARAH BAGI KEMASUKAN LEMBU DAN KERBAU IMPORT DARI NEGARA AUSTRALIA



Pemantauan pemeriksaan fizikal dan pengambilan sampel darah bagi kemasukan pertama 1,018 ekor lembu dan 93 ekor kerbau import dari negara Australia telah diadakan pada 16 September 2023 di Pelabuhan Pasir Gudang, Johor.

Kemasukan ini adalah yang pertama selepas sekatan pengimportan lembu dan kerbau dari negara tersebut ditarik balik oleh pihak DVS dan Jabatan berkaitan isu penyakit *Lump Skin Disease* (LSD).

Aktiviti ini dijalankan pihak MAQIS Negeri Johor dengan kerjasama dan bantuan pihak DVS Negeri Johor dan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah MAQIS, Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman dan Pengarah MAQIS Negeri Johor, Tuan Edie Putra bin Md Yusof.

18 SEPTEMBER 2023

RAKAMAN INFLUENCER@JAPEN WPKL BERKAITAN PENYAKIT RABIES



Rakaman Influencer@JaPen WPKL bersama Dr. Leonora Tuah Merawin, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonotik berkaitan Sambutan Hari Rabies Sedunia Tahun 2023 sekaligus mengupas lebih lanjut mengenai penyakit ini.

Rakaman ini telah diadakan pada 18 September 2023 (Isnin) bertempat di Ibu Pejabat DVS, Putrajaya.

Terima kasih kepada Jabatan Penerangan WPKL atas kesudian membantu DVS dalam menghebahkan akan bahayanya penyakit yang bersifat zoonotik ini kepada orang ramai.

Semoga hubungan kerjasama ini akan dikembangkan lagi di dalam program-program yang akan datang.

TIDAK HADIR BERTUGAS TANPA KEBENARAN BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB



Seseorang pegawai dikehendaki melaksanakan tugas-tugasnya bagi apa-apa jua tempoh dan masa yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.

Ketidakhadiran pegawai untuk bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan pegawai itu dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 24, P.U. (A) 395/1993.

“**Sesungguhnya Allah kasih apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu amalan, hendaklah buat secara tekun**”

– Riwayat al Tabarani –

22 SEPTEMBER 2023

DVS LAKSANA PELBAGAI TINDAKAN CEGAH, KAWAL RABIES



KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menjalankan pelbagai tindakan dalam mencegah, mengawal dan membasmi penyakit rabies daripada menular dan muncul semula di dalam negara.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) DVS, Dr. Suratn Kamarudin berkata, antara pendekatan diambil ialah membentuk kawasan penampungan di bahagian utara Semenanjung melibatkan negeri-negeri bersempadan dengan negara berisiko tinggi untuk terkena jangkitan penyakit itu.

"Ini bagi memastikan segala bentuk tindakan kawalan oleh pihak berkuasa dapat dijalankan dengan berkesan di kawasan terbabit, selain menjalankan kawalan populasi anjing terbiar secara efektif.

"Setiap anjing bertuan diwajibkan mendapatkan suntikan imunisasi penyakit rabies, melesenkan anjing, memelihara anjing di dalam kawasan rumah dan diikat jika dibawa keluar berjalan-jalan," katanya dalam Program Apa Khabar Malaysia bertajuk Sambutan Hari Rabies Sedunia Tahun 2023 terbitan Bernama TV, pada 20 September 2023.

Beliau berkata, bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun ini, pihak DVS telah memvaksin 7,430 anjing bertuan termasuk 6,230 ekor di kawasan penampungan di Semenanjung dan Sabah sebagai usaha meningkatkan liputan imuniti anjing sebanyak 70 peratus bagi memastikan jangkitan rabies dapat dihindari dalam populasi haiwan itu.

"Bagi memastikan setiap anjing ini mendapat imuniti yang mencukupi, daya jejak melalui pelesenan anjing turut dijalankan. Kempen kesedaran juga giat dilaksanakan kepada orang awam dan kanak-kanak sekolah berkaitan penyakit rabies," katanya.

Dr. Suratn berkata, liputan perlindungan pelalian vaksin ke atas anjing bertuan di negara ini telah mencapai 70 peratus daripada populasi, sekali gus dapat menghindari penyakit rabies daripada merebak dalam kalangan haiwan itu dan mencegah ia menjangkiti manusia.

"Malaysia belum bebas daripada penyakit berkenaan dan setakat ini Sarawak sahaja yang sedang menghadapi penyakit tersebut. Statistik di negeri itu bagi tempoh Julai 2017 hingga Ogos 2023 merekodkan seramai 72 orang dijangkiti rabies dengan jumlah kematian 65 orang.

"Diharapkan orang ramai dapat terus memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa dengan menjadi pemilik haiwan bertanggungjawab dan memastikan anjing peliharaan mereka divaksin terhadap rabies," katanya.

Sumber: BERNAMA

22 SEPTEMBER 2023

SESI LIBAT URUS DVS BERSAMA PBT TERENGGANU BERKAITAN PENGURUSAN HAIWAN TERBIAR



Seramai 60 peserta yang terdiri daripada pegawai Veterinar negeri / daerah dan pegawai-pegawai PBT telah menghadiri sesi libat urus Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Terengganu berkaitan pengurusan haiwan terbiar di Dewan Serindit, Pejabat Daerah Kuala Nerus, Terengganu pada 27 September 2023.

Sesi ini diadakan bagi mencari jalan penyelesaian dan menangani isu-isu berkaitan pengurusan dan pengendalian haiwan terbiar terutamanya melibatkan anjing.

Sesi libat urus ini dipengerusikan oleh Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak (Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar), dengan penglibatan pegawai-pegawai DVS dan PBT, Tuan Haji Zaharinan bin Abdul Aziz (Pengarah Bahagian Penguatkuasa Veterinar), Dr. Marzuna binti Md Yunus (Ketua Sekyen Kebajikan Haiwan, Bahagian Regulatori Veterinar), Dr. Salina binti Amad Bugis (Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar) dan Encik Ahmad Burhan Sidqi bin A. Rahim (Ketua Unit Perundangan, Majlis Daerah Besut).

Turut hadir Dr. Wan A'aidah binti Wan Hashim, Ketua Bahagian Pembangunan Industri Ternakan DVS Terengganu mewakili Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu dan Encik Muhammad Faaizuddin bin Mohd Salleh, Pegawai Kesihatan Persekitaran, Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Terengganu.



SUCCESS STORY

WAK BARNIN SAHUT CABARAN, UBAH PERSEPSI



“Penternak kena tahu pengurusan dan pemakanan ternakan”. Itulah nasihat Encik Barnin Sawo, 60 tahun, penternak anak jati Pagoh, Johor ini.

Encik Barnin atau lebih mesra disapa sebagai Wak Barnin menceburi bidang penternakan lembu selama 23 tahun bermula dengan lembu tempatan selama tiga tahun sebelum menumpukan kepada lembu Brahman sepenuhnya.

Sebelum berjinak dengan penternakan, Wak Barnin bekerja di Bahagian Akaun Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan di sinilah bermulanya detik “perkenalan” Wak Barnin mengenai lembu.

“Ada seorang peneroka setiap hari datang jumpa dan memberikan pandangan beliau tentang lembu. Katanya bidang ini menguntungkan namun kena rajin dan ada minat”, ujar beliau.

“Saya asal orang susah, jadi saya berfikir bagaimana untuk naikkan taraf hidup saya. Dari situ saya nekad untuk buat sesuatu demi masa depan. Bermodalkan duit KWSP, saya beli lembu tempatan, jantan dan betina yang bunting. Yang jantan saya jual ketika korban untuk dapatkan modal balik”.



Wak Barnin memaklumkan bahawa projek ini merupakan projek Penternakan Lembu Secara Integrasi di Ladang Kelapa Sawit (EPP5) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) WP Kuala Lumpur pada tahun 2012.

Wak Barnin bermula dengan 60 ekor lembu tempatan sebelum DVS Daerah mencadangkan Wak Barnin untuk membuat proposal bagi penternakan lembu Brahman.

“Masa itu saya pun *confused* sebab rata-rata mengatakan Brahman ini tidak mendatangkan keuntungan atau lambat beranak, pasaran tu amat kurang”. Namun Wak Barnin mengambil langkah berani dengan menjual kesemua lembu tempatan yang beliau ada dan beralih kepada lembu baka Brahman.

Mengapa baka Brahman?

Wak Barnin berubah tumpuan kepada lembu baka Brahman kerana ingin menyahut cabaran dan mengubah persepsi lembu baka ini tidak boleh dibiakkan di Malaysia.

“Sebenarnya bukan masalah tidak boleh ataupun alasan lain tapi sebenarnya komitmen pada penternak itu sendiri kena tahu macam mana pengurusannya, pemakanan dia. Jadi kita kena belajar”.

Apa yang penting ujarnya adalah dengan menjaga lembu sebaiknya kerana haiwan tersebut tahu dan kenal diri kita sebagai tuannya berdasarkan kepada deria bau dan penglihatan.

Suka bertanya

Meskipun telah mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam bidang penternakan, Wak Barnin masih gemar bertanya kepada staf-staf DVS daerah, negeri dan ibu pejabat.

Wak Barnin juga meminta pandangan setiap perkara yang ingin dilakukan terutama perkara yang berkaitan tentang kaedah untuk memajukan lagi penternakan lembu tersebut.

Wak Barnin juga mengatakan bahawa keperluan asasi lembu adalah rumput, garam dan air. Sekiranya penternak hanya mengharapkan dedak atau palet semata, itu mampu menjadi faktor meningkatnya kos pengurusan.

Pelapis kepada penternak sedia ada

Wak Barnin menyeru kepada golongan muda untuk menceburi penternakan bagi mengekalkan kesinambungan bidang ini di negara kita sekaligus menambah bekalan kualiti dan juga kuantiti daging di samping menjadi pelapis untuk menggantikan penternak sedia ada.

“Dan jangan lupa bila kita jadi penternak, jangan sesekali tinggalkan agensi yang melibatkan ternakan iaitu DVS kerana semua staf DVS telah beri kursus dan pelbagai lagi. Koreklah ilmu dari DVS untuk kita guna pakai dan campur dengan ilmu yang kita ada. Itu yang terbaik”.

SUCCESS STORY

SAVILLE WONDERLAND BIDANG PENTERNAKAN ADALAH BIDANG YANG SANGAT MENGUNTUNGGKAN



Saville Wonderland, bukan sahaja memberikan pengalaman rekreasi yang menarik bersama keluarga namun turut menawarkan peluang kepada para pengunjung terutama kanak-kanak untuk mengenali haiwan ternakan serta haiwan kesayangan dengan lebih dekat.

Pemiliknya, Encik Lokman Hakim Johar, 40 tahun yang berasal dari Segamat, Johor telah mengusahakan lokasi agropelancongan berkeluasan 9 ekar ini sejak 2 tahun yang lalu.

“Saya bermula dengan di dalam bidang penternakan ini dengan mengusahakan ternakan ayam kampung asli. Kenapa bidang ini? Kerana saya dibesarkan dari kecil dalam keluarga yang mengusahakan ternakan ayam kampung. Oleh itu, apabila dewasa saya tanpa ragu-ragu membuat keputusan memilih untuk menyambung penternakan ini kerana bidang penternakan adalah satu bidang yang sangat menguntungkan”.

Encik Lokman berkecimpung dalam bidang penternakan pada tahun 2015 dengan ternakan unggas dan ruminan dan kini telah memiliki 20 lembu sado, 40 lembu KK, 100 ekor kambing sebelum menternak lebih kurang 140 ekor rusa dan 20 ekor kuda.

Komitmen tinggi dan tidak mudah mengalah

Tambahnya lagi, bidang penternakan adalah satu bidang yang sangat-sangat menguntungkan. Namun, untuk sampai ke tahap yang berjaya memerlukan pengorbanan yang sangat tinggi dan komitmen serta kesungguhan yang jitu.

“Di awal penglibatan saya di bidang ini, banyak sangat cabaran dan rasa nak putus asa. Tetapi, saya cuba dapatkan bantuan khidmat nasihat daripada pejabat DVS Hulu Langat”.

“Wujudnya Saville Wonderland ini atas cadangan rakan-rakan saya. Mereka tahu saya mempunyai pelbagai baka ayam, di situ mereka cadangkan kepada saya untuk membuka satu tempat di mana mereka boleh membawa keluarga mereka untuk mengenali dengan lebih dekat haiwan ternakan”.

Pelbagai aktiviti riadah

Pengunjung boleh melakukan pelbagai aktiviti riadah bersama ahli keluarga antaranya *Horse Joyride*, memancing, *ATV Adventure Ride*, memanah dan banyak lagi aktiviti dengan kadar harga yang berpatutan. Pengunjung juga boleh mengunjungi *Petting Zoo* yang menempatkan pelbagai jenis haiwan antaranya ayam hiasan pelbagai baka, rusa lembu, kuda, kambing, angsa, itik, amab, rakun, landak, kucing, dan burung unta.

Sementara menanti anak-anak mendekati diri dengan haiwan tersebut, anda boleh memancing di dua kolam yang menempatkan ikan puyu dan sebuah lagi mempunyai pelbagai spesies ikan air tawar.





Memancinglah sepuasnya kerana bayaran hanya dikenakan berdasarkan berat ikan ditangkap sahaja dan perkhidmatan sewa peralatan turut disediakan iaitu RM20 untuk sebatang joran dan RM2 bagi membeli umpan.

Jualan produk Saville

Saville Wonderland memberi tumpuan kepada ladang dan kehidupan alam semula jadi yang dikelilingi oleh persekitaran hijau. Tempat ini sesuai untuk aktiviti keluarga, lawatan sekolah, program CSR atau kumpulan besar untuk sebarang majlis.

Para pengunjung juga boleh membeli produk-produk yang terdapat di sini melalui Saville Fresh yang menawarkan daging lembu, daging rusa, daging kambing, ayam kampung asli, telur itik, burung puyuh, telur burung puyuh, susu kambing, ikan sungai dan banyak lagi.

Sini juga menawarkan perkhidmatan aqiqah dan qurban dengan pakej-pakej yang disediakan termasuk menyembelih, memproses hinggalah memasak.

Satu anugerah

Sebelum mengakhiri sesi temubual, Encik Lokman sekali lagi menegaskan para penternak harus memberikan komitmen dan fokus yang tinggi kepada bidang penternakan yang diceburi. Jangan sesekali mudah putus ada di samping sentiasa mencari alternatif untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

“Hingga kini saya rasa merupakan ia satu anugerah yang hebat di bidang penternakan ini kerana dengan sokongan DVS, saya dapat menyelesaikan banyak masalah dan di samping itu, bantuan-bantuan DVS sangat membantu saya sebagai penternak. Terima kasih DVS!”.



**Kepada yang berminat untuk merasai suasana kehijauan dan jauh dari kota buat sementara waktu, bolehlah datang ke Saville Wonderland yang terletak di Kampung Pasir, Sungai Lalang, Semenyih, Selangor. Ia dibuka setiap hari kecuali hari Isnin bermula jam 9 pagi hingga 6 petang.



Tahukah Anda?






KOMPONEN UTAMA SARANG BURUNG

ASID SIALIT


- Mengandungi kalsium dan natrium yang tinggi
- Dapat menangkis bakteria, virus & mikrob berbahaya lain
- Kesan yang baik terhadap neurologi & intelek bayi
- Moderator sistem imunisasi yang sangat baik

WALET adalah sejenis sarang burung yang boleh dimakan (Edible Bird's Nest/EBN)

EBN terdiri daripada Glikoprotein bernilai tinggi yang kaya dengan asid amino, karbohidrat, kalsium, natrium dan kalium. Ia biasanya dirujuk sebagai "Kaviar dari Timur" kerana ia diperolehi dengan harga premium dan dianggap sebagai produk makanan yang dihormati di Timur.

EBN juga dijadikan sebagai tonik makanan kerana ia terbukti berkhasiat dan bermanfaat dalam segi perubatan antaranya anti penuaan dan anti kanser.

Antara kegunaan lain termasuklah rawatan kekurangan zat makanan, meningkatkan sistem imunisasi serta meningkatkan metabolisme badan.

10 - 12 NOVEMBER 2023

LAMAN TERNAKAN DVS @ HPPNK 2023 MERIAH



YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) turut hadir memeriahkan Sarapan Madani dengan menunjukkan skil “flipping omelette” beliau kepada pengunjung yang hadir.

Selain DVS, pameran Jabatan dan Agensi di bawah KPKM, Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta rakan strategik juga turut diadakan. Aktiviti bersepadu ini adalah selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI yang merupakan tanggungjawab semua pihak untuk memastikan tahap keterjaminan makanan negara sentiasa stabil serta mampan seiring dengan konsep *Food Security is a Shared Responsibility*.

Komitmen ini juga mencerminkan kesepaduan padu Kerajaan dalam memperkukuh sekuriti makanan negara ke arah peningkatan produktiviti, penajaan pendapatan terutamanya kepada golongan sasar peladang, petani, penternak dan nelayan untuk terus berdaya saing mengembangkan potensi perniagaan dan teknologi pertanian sekaligus meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat secara keseluruhannya.

Jumlah pengunjung Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023 mencecah lebih setengah juta sejak bermulanya program pada 10 hingga 12 November 2023 yang diadakan di Dataran Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya, Ipoh, Perak.

Untuk HPPNK tahun ini, DVS membawakan pelbagai aktiviti menarik di dua tempat iaitu di dalam dewan utama dan di Laman Ternakan.

Antara tarikan utama adalah:

- Pameran lembu sado (baka *Limousin, Charolais, Blonde D Aquitant*).
- Pameran 15 baka kucing cantik (*Maine Coon, Bengal, Ragdoll* dan banyak lagi).
- Pameran kambing (Baka *Jamnapari, Jamlo, Anglo Nubian*).
- Pameran pelbagai jenis unggas.
- Sarapan Madani.
- Mini petting zoo.
- Pameran peralatan penjagaan berteknologi untuk haiwan kesayangan (*Smart Litter Box, Pet Smart Dryer, Automatic Pet Water Fountain, Automatic Light Pet Dispenser Feeder*).









LEMBU RM20 JUTA



LEMBU baka Nelore. FOTO CASA Branca Agropastoral.

Brasília: Seekor lembu putih gergasi bernama Viatina-19 FIV Mara Imoveis, dijual pada harga AS\$4.3 juta (kira-kira RM20 juta) dalam satu lelongan di Arandu, Brazil.

Newsweek melaporkan, lembu baka Nelore berusia empat tahun setengah yang dijual Agropecuaria Casa Branca kepada Nelore HRO dengan harga tertinggi itu menjadikannya lembu paling mahal di dunia.

Harga satu pertiga daripada lembu itu sahaja dijual dengan nilai AS\$1.44 juta (kira-kira RM6.5 juta). Penjualan Viatina-19 FIV Mara Imoveis itu menandakan nilai sebenar Nelore baka tulen di Brazil dan ia jelas menunjukkan berapa banyak yang sanggup dibayar oleh sesetengah orang untuk spesimen kualiti genetik yang tinggi.

Harga tinggi itu juga akan merentasi pasaran lembu antarabangsa, menonjolkan nilai baka dan mengukuhkan reputasinya di seluruh dunia. Lembu Nelore adalah baka bercirikan bulu putih terang dengan bonggol yang berbeza di atas bahunya.

Menurut Oklahoma State University, lembu Nelore secara semula jadi mempunyai daya tahan tinggi terhadap suhu lebih panas berikutan kulitnya yang longgar, berjuntai dan memiliki kelenjar peluh dua kali lebih besar serta 30 peratus lebih banyak daripada kebanyakan baka haiwan itu di Eropah.

Baka itu berasal dari India dan dinamakan sempena daerah India Nellore di negeri Andhra Pradesh. Ia kini satu daripada baka lembu yang paling penting di Brazil disebabkan keupayaannya untuk membesar dengan makanan ternakan berkualiti rendah, pada masa sama memiliki kecekapan metabolisme.

Nelore juga mudah membiak, kerana lembu betina mempunyai keluasan bukaan pelvis dan saluran kelahiran yang lebih besar, manakala bagi anak lembu memerlukan hanya sedikit interaksi dengan manusia untuk berjaya membesar hingga dewasa.

Ketahanannya terhadap beberapa jangkitan parasit kerana tekstur kulitnya yang padat menjadikannya lebih sukar untuk serangga penghisap darah untuk menembusi.




Harganya yang tinggi adalah hasil daripada ciri-ciri yang menguntungkan ini, dengan baka dibiakkan secara selektif untuk menguatkan ciri-ciri ini menggunakan pernian insemnisi.

Jualan air mani Nelore mewakili 65 peratus daripada jumlah pasaran insemnisi buatan lembu di Brazil, dan menurut laporan Guardian dari 2018, sperma daripada lembu jantan elit paling berharga mungkin berharga AS\$5,000 (kira-kira RM23,332) setiap dos 0.55 mililiter.

Terdapat kira-kira 167,000,000 lembu Nelore di Brazil, merangkumi 80 peratus daripada jumlah keseluruhan lembu di seluruh negara itu.

Kredit: HMetro

INISIATIF-INISIATIF UTAMA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN DI BAWAH BELANJAWAN MADANI 2024.

 <p>PERUNTUKAN 2024 RM6.17 BILION</p> <p>Perbelanjaan Mengurus: RM4.42 bilion Perbelanjaan Pembangunan: RM1.75 bilion</p>			
INISIATIF-INISIATIF UTAMA			
SUBSIDI DAN INSENTIF KEPADA PESAWAH DAN NELAYAN RM2.6 bilion	SKIM SUBSIDI HARGA PADI RM500/mt	HARGA LANTAI BELIAN PADI RM1,300/mt	SUBSIDI PADI BUKIT ATAU PADI HUMA RM50 juta
SUBSIDI DIESEL KEPADA NELAYAN RM1.65 seliter	ELAUN SARA HIDUP NELAYAN sehingga RM300 sebulan	INSENTIF HASIL TANGKAPAN NELAYAN sehingga RM1000 sebulan	MEMBINA BAHARU DAN BAIK PULIH RUMAH NELAYAN YANG UZUR RM10 juta
PROGRAM PENGUKUHAN KETERJAMINAN MAKANAN RM400 juta * di antaranya			
PENINGKATAN HASIL TANAMAN DAN TERNAKAN RM150 juta bekerjasama dengan kerajaan negeri	PEROLEHAN BAJA SECARA TENDER TERBUKA RM50 juta	PEMBEKALAN BAJA BIO DAN ORGANIK RM50 juta untuk 50 ribu pesawah	
PINJAMAN		BANTUAN BENCANA	
KEMUDAHAN PINJAMAN AGROBANK RM430 juta	TABUNG BENCANA PERTANIAN RM50 juta	SKIM TAKAFUL TANAMAN PADI RM50 juta	✓✓✓✓ ✓✓✓✓ ✓✓✓✓
 <p>@kpkmmalaysia www.kpkm.gov.my #Belanjaan2024 #EkonomiMADANI</p>			

SIARAN MEDIA

SEKATAN IMPORT TERHADAP LEMBU DAN KERBAU AUSTRALIA DITARIK SEMULA

Para pengimport ternakan lembu dan kerbau dari Australia untuk mengemukakan surat permohonan import dari DVS sebelum membuat permohonan permit.

DVS juga ingin menegaskan bahawa semua pengimportan ternakan hidup adalah mengikut SOP yang telah ditetapkan bagi memastikan setiap konsainan yang diimport menjalani proses pemantauan yang rapi.



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Department Of Veterinary Services
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : ops@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

SEKATAN IMPORT TERHADAP LEMBU DAN KERBAU AUSTRALIA DITARIK SEMULA

PUTRAJAYA – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menarik balik arahan penggantungan import ternakan hidup lembu dan kerbau dari Australia yang berkuatkuasa serta-merta.

Tindakan penggantungan sementara pada 4 Ogos 2023 itu diambil sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya dakwaan pihak berkuasa Indonesia mengenai penemuan tanda-tanda jangkitan *Lumpy Skin Disease (LSD)* pada lembu yang diimport dari Australia itu benar, memandangkan Malaysia turut mengimport lembu dan kerbau dari negara tersebut.

Keputusan menarik balik sekatan import ini adalah hasil daripada perkongsian laporan penuh siasatan oleh *Department of Agriculture, Fisheries and Forestry (DAFF)*, Australia selepas dua sesi perbincangan teknikal bersama DVS. Hubungan baik antara DVS dan DAFF telah membolehkan perkongsian maklumat dijalankan secara telus dan terperinci.

DVS ingin memaklumkan kepada para pengimport ternakan lembu dan kerbau dari Australia untuk mengemukakan surat permohonan import dari DVS sebelum membuat permohonan permit. DVS juga ingin menegaskan bahawa semua pengimportan ternakan hidup adalah mengikut SOP yang telah ditetapkan bagi memastikan setiap konsainan yang diimport menjalani proses pemantauan yang rapi.

DVS berharap dengan keputusan menarik semula sekatan import ini memberi kelegaan kepada industri, dan seluruh rakyat Malaysia. Di samping itu, DVS turut menghargai keterbukaan DAFF dalam membantu proses penyelesaian isu ini.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
6 SEPTEMBER 2023

TERNAKAN DALAM NEGARA BEBAS DARI PENYAKIT NIPAH



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Department Of Veterinary Services
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : ops@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

TERNAKAN DALAM NEGARA BEBAS DARI PENYAKIT NIPAH

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ingin memaklumkan bahawa, ternakan di dalam negara adalah bebas dari penyakit Nipah.

Berdasarkan kepada hasil surveilan tahunan terkini sehingga Ogos 2023 yang dijalankan oleh Jabatan ini ke atas 399 sampel babi komersial mendapati keputusan ujian adalah negatif penyakit berkenaan.

Sebagai makluman, penyakit ini disebabkan oleh jangkitan virus Nipah. Jangkitan boleh tersebar melalui sentuhan langsung dengan haiwan terjangkit, udara yang dicemari dengan titisan pernafasan, rembesan dari hidung dan mulut, atau tisu dari haiwan yang terjangkit.

Penyakit Nipah pertama kali dikesan di Malaysia pada tahun 1998 melibatkan ladang babi di Perak dan merebak ke Negeri Sembilan. Ia menyebabkan kerugian besar kepada penternak babi dan ekonomi negara serta meragut 105 nyawa manusia. Usaha-usaha pembasmian secara besar-besaran melibatkan pelbagai jabatan/agensi telah dijalankan ketika itu, dan pada awal 2001 Malaysia diisytiharkan bebas dari penyakit Nipah oleh *World Organisation for Animal Health (OIE)*. Sehingga kini, Malaysia masih mengekalkan status bebas Nipah negara melalui program surveilan berkala.

Untuk makluman juga, penyakit ini disenaraikan dalam Penyakit Wajib Laporkan yang diwartakan di bawah Akta Binatang 1953 perkara 31 (1) oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Dalam memastikan industri ternakan babi di Malaysia bebas dari sebarang ancaman penyakit, DVS akan terus menjalankan surveilan dan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga agar penyakit yang bersifat zoonotik (berjangkit kepada manusia) ini dapat dicegah dari masuk ke dalam negara.

Penternak babi adalah dinasihatkan untuk tidak menanam pokok buah-buahan di dalam dan sekitar kawasan ladang yang boleh menarik haiwan terutamanya keluang (famili spesies kelawar) yang berkebolehan untuk menjadi perumah semulajadi virus Nipah.

Orang awam juga dinasihatkan untuk melapor sebarang kejadian penyakit berjangkit dalam ternakan seperti babi, kuda, atau haiwan kesayangan kepada DVS untuk tindakan selanjutnya.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
26 SEPTEMBER 2023

Berdasarkan kepada hasil surveilan tahunan terkini sehingga Ogos 2023 yang dijalankan oleh DVS ke atas 399 sampel babi komersial mendapati keputusan ujian adalah negatif penyakit berkenaan sekaligus menjadikan ternakan di dalam negara adalah bebas dari penyakit Nipah.

Penternak babi adalah dinasihatkan untuk tidak menanam pokok buah-buahan di dalam dan sekitar kawasan ladang yang boleh menarik haiwan terutamanya keluang (famili spesies kelawar) yang berkebolehan untuk menjadi perumah semulajadi virus Nipah.

Orang awam juga dinasihatkan untuk melapor sebarang kejadian penyakit berjangkit dalam ternakan seperti babi, kuda, atau haiwan kesayangan kepada DVS untuk tindakan selanjutnya.



SIARAN MEDIA

MALAYSIA BEBAS PENYAKIT KUDA AFRIKA

Malaysia terima status bebas penyakit Kuda Afrika (*African Horse Sickness-AHS*) pada 15 September 2023.

Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) mengembalikan semula status bebas penyakit kuda Afrika (AHS) kepada Malaysia pada 15 September lalu setelah status itu digantung pada Ogos 2020, susulan terdapat kes di Terengganu.

WOAH melalui suratnya kepada DVS telah menyatakan bahawa Malaysia telah memenuhi syarat yang ditentukan oleh badan itu melalui Resolusi No.15 bagi mendapatkan semula status bebas AHS yang telah digantung berikutan kejadian penyakit tersebut pada Ogos 2020.

DVS akan sentiasa komited memastikan haiwan dan ternakan dalam negara ini bebas daripada sebarang ancaman penyakit.



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Department Of Veterinary Services
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4C1 & 4C2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : info@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

MALAYSIA TERIMA STATUS BEBAS PENYAKIT KUDA AFRIKA (AFRICAN HORSE SICKNESS - AHS)

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ingin memaklumkan bahawa Malaysia telah menerima status **BEBAS** *African Horse Sickness* (AHS) pada 15 September 2023.

World Organisation for Animal Health (WOAH) melalui suratnya kepada DVS telah menyatakan bahawa Malaysia telah memenuhi syarat yang ditentukan oleh badan itu melalui Resolusi No. 15 bagi mendapatkan semula status bebas AHS yang telah digantung berikutan kejadian penyakit tersebut pada bulan Ogos 2020.

Dalam memastikan status bebas ini dapat dikekalkan, DVS akan terus menjalankan ujian makmal bagi keperluan surveilans AHS berdasarkan *Article 12.1.5 Terrestrial Animal Health Code*.

DVS ingin menegaskan, Jabatan ini sentiasa komited dalam memastikan haiwan dan ternakan di dalam negara bebas dari sebarang ancaman penyakit.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
23 SEPTEMBER 2023



NASIONAL

Malaysia bebas penyakit kuda Afrika

September 23, 2023 @ 10:32am



Foto hiasan

KEBAIKAN PEMANDULAN ANJING / KUCING

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

- Mengurangkan sifat agresif dan kecenderungan untuk kencing merata.
- Mengelakkan risiko barah buah zakar dan penyakit berjangkit seperti FIV dan FeLV (Leukimia Kucing)
- Mengelakkan penyakit TVT (*Transmissible Venereal Tumor*) & *Testicular Cancer* (Anjing)
- Mengurangkan risiko merayau, bergaduh dan tercedera.
- Mengurangkan kes anjing / kucing terbiar

“ Bahawa mengembiri binatang kesayangan seperti kucing atau anjing hukumnya adalah diharuskan dengan sebab-sebab tertentu iaitu bagi menjaga maslahat ummah ”

JAKIM, Julai 2002





PRINSIP KEBEBASAN HAIWAN

Keperluan persekitaran
yang bersesuaian

1

Keperluan
diet yang sesuai

2

Keperluan untuk mempamerkan
corak kelakuan yang semulajadi

3

Keperluan untuk ditempatkan
bersama atau berasingan

4

Keperluan untuk dilindungi
daripada kesakitan, penderitaan,
kecederaan dan penyakit

5





BILIK GERAKAN BENCANA

Jabatan Perkhidmatan Veterinar



WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA



03 - 8870 2404



PERLIS



04 - 979 2600 / 04 - 976 4531



KEDAH



04 - 720 5200 / 04 - 720 7424 / 04 - 720 7430



PULAU PINANG



013 - 445 3402



PERAK



05 - 545 9111 / 05 - 545 9122 / 05 - 545 9133



SELANGOR



016 - 503 3900



NEGERI SEMBILAN



019 - 703 4223



MELAKA



017 - 262 3375 / 012 - 698 9894



JOHOR



07 - 244 5944 / 07 - 244 2712



TERENGGANU



019 - 989 2498



PAHANG



09 - 513 2213



KELANTAN



019 - 982 3501



WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



03 - 9284 9716 / 03 - 9284 9718





JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan,
Blok Podium, Lot 4G1,
Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62624 Putrajaya

Tel: (603) 8870 2000
Faks: (603) 8888 6021
Email: [pro\[at\]dvs.gov.my](mailto:pro[at]dvs.gov.my)